



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.7/ 2018

SPR SERAH KEPADA POLIS UNTUK SIASAT DAKWAAN PENGUNDI MERAGUKAN DI PARLIMEN WANGSA MAJU

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan menerima surat daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju pada 17 Januari 2018 berkaitan satu laporan polis mengenai pendaftaran pengundi baharu yang didakwa telah memberi maklumat diri yang meragukan kepada pihak SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Laporan tersebut telah dibuat oleh seorang individu yang mewakili sebuah Parti Politik di Bahagian Parlimen Wangsa Maju. Memandangkan kes tersebut melibatkan kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) serta Peraturan-Peraturan di bawahnya, maka SPR menyerahkan semula kepada pihak Polis untuk menjalankan siasatan lanjut atau tindakan sewajarnya. SPR bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis dalam menjalankan siasatan berhubung kes ini sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 24 Januari 2018/ 7 Jamadil Awal 1439H